

**1) PENDAHULUAN**

- i. Terma & syarat yang dinyatakan di sini ("T&S") akan mentadbir kempen Syawal Tenang, Hati Senang ("Kempen") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Syarikat 201701032316 (1246486-D)] (selepas ini dirujuk sebagai "Takaful Malaysia" atau "kami").

**2) TEMPOH KEMPEN**

- i. Kempen ini bermula pada tarikh 1 Mac 2026 jam 12:00 pagi Waktu Malaysia ("MYT") dan berakhir pada 31 Mac 2026 jam 11:59 malam MYT ("Tempoh Kempen").
- ii. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan kelayakannya dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Hadiah (seperti yang ditakrifkan di bawah).

**3) KELAYAKAN**

- i. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Takaful Malaysia yang menyertai produk Takaful myMotor – Kenderaan Persendirian untuk perlindungan komprehensif ("Peserta") semasa Tempoh Kempen, tertakluk kepada kelayakan berikut:
  1. Hanya untuk langganan produk Takaful myMotor – Kenderaan Persendirian untuk perlindungan komprehensif dengan sumbangan minimum RM1500 dan ke atas, berserta perlindungan tambahan Motor PA (Pelan 4) layak untuk menyertai Kempen ini.
  2. Sijil Peserta dikeluarkan dan kekal berkuat kuasa selama 30 hari selepas Pengumuman Pemenang (seperti yang takrifkan di bawah).

**4) MEKANISME KEMPEN**

- i. Peserta mestilah menyertai produk Takaful myMotor – Kenderaan Persendirian untuk perlindungan komprehensif seperti yang dinyatakan di Klausula 3 (i) melalui saluran berikut:
  - a. Mana-mana [cawangan](#) Takaful Malaysia; atau
  - b. Mana-mana ejen korporat Takaful Malaysia.
- ii. Pemenang (seperti yang takrifkan di bawah) akan diumumkan pada penghujung bulan yang berikutnya dan hadiah akan diberikan selepas Tempoh Kempen tamat.

**5) PEMENANG & HADIAH**

- i. Kami akan memilih seratus (100) pemenang Kempen ini daripada senarai Peserta yang layak dengan menggunakan alat rawak ("Pemenang"). Kami akan mengumumkan nama Pemenang di akaun Facebook dan Instagram rasmi Takaful Malaysia dan laman web korporat rasmi Takaful Malaysia ("Pengumuman Pemenang").
- ii. Unit Khidmat Pelanggan kami akan menghubungi Pemenang secara terus melalui panggilan telefon dan pengesahan akan dihantar melalui e-mel atau Khidmat Pesan Ringkas (SMS).
- iii. Pemenang Kempen ini akan menerima hadiah berikut ("Hadiah"):

| HADIAH                                  |
|-----------------------------------------|
| 1. e- Baucar Touch 'n Go bernilai RM200 |

- iv. Hadiah tidak boleh dipindah milik, ditebus, dan ditukar dengan wang tunai (untuk Hadiah selain wang tunai) atau kredit dalam apa jua bentuk.
- v. Pemenang hanya dibenarkan untuk memenangi **satu (1) Hadiah** sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- vi. Takaful Malaysia berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara tanpa notis terlebih dahulu.
- vii. Kaedah penyampaian Hadiah akan dimaklumkan kepada Pemenang apabila kami menghubungi dan berkomunikasi dengan Pemenang seperti Klausula 5 (ii) di atas.

- viii. Gambar Hadiah yang ditunjukkan di dalam sebarang bahan promosi, iklan, publisiti atau bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah yang sebenar.
- ix. Dalam keadaan di mana Pemenang tidak dapat mengambil Hadiah dan memerlukan Takaful Malaysia untuk menyerahkan Hadiah pada masa dan tempat yang dipersetujui, penghantaran Hadiah adalah di atas risiko Pemenang sendiri.
- x. Sebarang pertanyaan dan aduan secara langsung dan semata-mata mengenai Hadiah selepas penerimaan oleh Pemenang mesti dirujuk kepada pembekal Hadiah. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menangani sebarang pertanyaan dan aduan berkenaan dengan Hadiah selepas penerimaan dan Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut atau untuk pertikaian itu sendiri.
- xi. Takaful Malaysia berhak untuk memilih Pemenang yang lain mengikut budi bicara mutlak Takaful Malaysia sekiranya:
  - a. Pemenang tidak dapat dihubungi dalam masa tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh Pengumuman Pemenang; atau
  - b. Pemenang gagal untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh Takaful Malaysia bagi tujuan penghantaran Hadiah kepada Pemenang.

#### **6) TERMA & SYARAT AM**

- i. Dengan menyertai Pertandingan ini, Peserta:
  - a. bersetuju untuk terikat dengan Terma dan syarat (T&S);
  - b. bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
  - c. bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen adalah muktamad. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
  - d. bersetuju membenarkan data peribadi didedahkan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan/pembekal yang diberi kuasa termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen ini dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk penghantaran Hadiah;
  - e. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
  - f. tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan atau penangguhan Kempen ini.
- ii. Ahli penganjur dan panel juri Kempen ini tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

#### **7) NOTIS PRIVASI TAKAFUL MALAYSIA**

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Takaful Malaysia yang dapat dilihat di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my) ("[Notis Privasi](#)").
- ii. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia, tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:
  - a. tujuan Kempen ini; dan
  - b. aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan

- sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta/Pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini.
- iii. Takaful Malaysia berhak untuk:
    - a. membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini; dan
    - b. Menarik/batalkan, menggantung, memanjangkan, atau menamatkan Kempen (sepenuhnya atau sebahagiannya) dan/atau meminda, menambah, memadam, mengubah, atau mengubah T&S ini (sepenuhnya atau sebahagiannya) atas budi bicara mutlaknyanya dengan menyiarkan di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my) atau melalui sebarang cara yang praktikal, dengan memberikan notis yang munasabah terlebih dahulu kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman, pindaan, atau penamatan tersebut.
  - iv. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Peserta/Pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini dan/atau penggunaan Hadiah; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik atau epidemik) atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.
  - v. T&S ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
  - vi. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketabolehkuatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain T&S Kempen ini.

*Nota: Sebelum mendaftar/menyertai produk, sila rujuk risalah produk kami, helaian penerangan produk dan sijil untuk butiran lanjut.*